



22 Februari 2022
22 February 2022
P.U. (A) 35

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2022

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2022**.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—
 - (a) perjanjian kemudahan am yang dibuat atau akan dibuat antara Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan CIMB Islamic Bank Berhad; dan
 - (b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada CIMB Islamic Bank Berhad,

berhubung dengan Pembiayaan Semula Pembiayaan Berjangka-i sehingga jumlah tiga bilion ringgit (RM3,000,000,000.00).

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah perjanjian kemudahan am dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 termasuk apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan perjanjian kemudahan am dan jaminan itu hendaklah diremitkan sepenuhnya: